



MUKA HADAPAN

ARKIB : 01/12/2004

Pemberian insentif guru dikaji

Oleh: SADATUL MAHIRAN ROSLI

GENTING HIGHLANDS 30 Nov. - Kementerian Pelajaran bersetuju mengkaji pemberian insentif kepada guru-guru yang mempunyai tanggungjawab `istimewa' dan berisiko.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, guru yang tergolong dalam kategori tersebut terdiri daripada yang mengajar di pedalaman, guru pendidikan khas, guru disiplin dan warden asrama.

Menurutnya, kementerian akan mengkaji insentif skim perkhidmatan supaya setimpal dengan tanggungjawab yang dipikul.

``Jika saya rasa tanggungjawab yang diberikan kepada mereka tidak setimpal dengan pulangan yang mereka terima, satu kategori skim perkhidmatan yang berbeza dengan guru biasa akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Menara Institut Aminuddin Baki (IAB) yang diadakan serentak dengan sambutan Jubli Perak IAB dan Seminar Pendidikan Berkualiti di sini hari ini.

Bagaimanapun, menurut Hishammuddin, insentif skim perkhidmatan berkenaan hanya akan dimasukkan ke dalam pelan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ini kerana buat masa ini katanya, kementerian mahu menyelesaikan projek-projek yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang akan berakhir tahun hadapan.

Sementara itu, beliau turut mengulas mengenai tawaran beberapa pertubuhan profesional untuk membantu kementerian memperkasakan perkhidmatan perguruan.

``Saya sentiasa mengalu-alukan mana-mana pertubuhan profesional yang ingin membantu kementerian terutamanya penambahbaikan kebajikan guru-guru.

``Bagaimanapun, pertubuhan berkenaan perlu mempunyai asas yang kukuh dan yang paling penting mereka yang telah diberi tugas untuk mengendalikannya haruslah tidak mempunyai kepentingan tetapi semata-mata untuk memperjuangkan masa depan dan kebajikan guru," jelasnya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1201&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_09.htm#ixzz2vdeTftLm

© Utusan Melayu (M) Bhd